

14 JUN 2002

Syed Hamid-Asean

ASEAN+3 AKAN DIKEMUKAKAN KE PERINGKAT MENTERI DI BRUNEI

KOTA TINGGI, 14 Jun (Bernama) -- Malaysia akan mengemukakan cadangan penubuhan sekretariat tetap "Asean+3" di Kuala Lumpur pada Mesyuarat Menteri-Menteri Luar Asean yang akan datang di Brunei, berikutan sambutan menggalakkan yang diterima setakat ini.

Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar berkata Malaysia sudah pun mengumumkan tawarannya untuk mengeluarkan perbelanjaan US\$10 juta bagi pembiayaan awal penubuhan sekretariat tetap itu.

"Kita mendapat galakan daripada respons setakat ini ... Jepun dan Korea Selatan juga nampaknya tidak mempunyai halangan dan menganggap banyak perkara di bawah Asean+3 ini kini dan memerlukan susulan.

"Dengan itu adalah amat baik ditubuhkan sekretariat secara tetap," katanya kepada pemberita di sini hari ini ketika diminta mengulas selanjutnya cadangan menubuhkan sekretariat tetap antara Asean dengan China, Jepun dan Korea Selatan.

Katanya Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menimbulkan perkara itu dan tidak mendapat halangan daripada mana-mana pihak dan sebab itu cadangan itu disusuli di peringkat Menteri Luar dan kini berada di peringkat pegawai.

Katanya Malaysia berpendapat sudah timbul kesegeraan untuk penubuhan sekretariat itu berikutan perkembangan dan cabaran globalisasi serta perubahan-perubahan di dunia.

"Kita mesti melihat diri kita bukan sahaja sebagai Asean tetapi dalam konteks yang lebih meluas yang akan dapat membantu pembangunan, ekonomi dan pelaburan di kalangan negara-negara Asia Timur," katanya

Mengenai konflik India-Pakistan, Syed Hamid berkata setakat ini belum timbul soal Malaysia memainkan peranan orang tengah atau pihak ketiga dalam usaha mendamaikan kedua-dua negara yang bersengketa itu.

"Banyak penglibatan negara dan masyarakat antarabangsa untuk menggalakkan rundingan. Kita rasa senang sikit dengan keadaan ketegangan yang dapat dikendurkan," katanya.

Beliau menyambut baik pengunduran kapal perang kedua-dua negara, pembukaan ruang udara untuk penerbangan awam dan persetujuan India untuk membuka balik kedutaannya di Pakistan dan mungkin sebaliknya selepas itu.

"Jadi pergerakan ke arah pemulihan, arah untuk berdialog nampak ada tanda-tanda... tapi kita lihat masih banyak pergerakan tentera kedua-dua negara di sempadan. Ia masih lagi dalam suasana yang perlu diperhati," katanya.

Syed Hamid berharap usaha masyarakat antarabangsa dapat memberi kesan membantu India dan Pakistan daripada terjebak dalam konflik ketenteraan secara terbuka.

Mengenai peranan Malaysia secara khusus, Menteri Luar itu berkata Pakistan pernah menyebut bahawa ia percaya kepada perundingan dan dialog tetapi dalam masa yang sama dialog dalam keadaan konflik mereka yang mengambil masa yang agak lama mungkin memerlukan peranan pihak ketiga.

"Bila disoal sama ada Malaysia boleh memainkan peranan, Pakistan kata dia tidak mempunyai apa-apa halangan... tapi soalnya perkara itu tidak timbul lagi pasal kita percaya yang pentingnya ialah untuk mengendurkan ketegangan sekarang," katanya.

Bila kedua-dua pihak melahirkan keselesaan dan keyakinan, barulah boleh ditengok peranan yang boleh dimainkan Malaysia atau negara ketiga lain.

Syed Hamid berkata Dr Mahathir sudah pun menulis surat untuk

mengalakkan pemimpin kedua-dua negara-negara itu untuk duduk semeja mengadakan rundingan.

-- BERNAMA

MNY RON